

# Arahan Jho Low adalah arahan Najib

Oleh SUWARNI MOKHTAR

utusannews@mediamu1ia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pegawai Penyasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) tidak bersetuju tindakan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi 'menurut' arahan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low adalah satu tabiat.

Sebaliknya, Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan-Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Aida Arihn berkata, tindakan itu disebabkan arahan Jho Low adalah arahan daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Terdahulu, Nur Aida menafikan bahawa tindakan Shahrol Azral menurut segala arahan Jho Low kerana sudah terbiasa menerima arahan daripada ahli perniagaan itu ketika berkhidmat di syarikat perundingan Accenture, yang mana syarikat milik Jho Low iaitu Utama Banking Group (UBG) pernah menjadi pelanggannya.

Nur Aida berkata demikian



**NAJIB Tun Razak** menghadapi perbicaraan kes penyelewengan dana 1MDB.

ketika disoal balas oleh peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam perbicaraan kes Najib yang didakwa atas 25 pertuduhan salah guna kedudukan dan pengubahan wang haram di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Pada perbicaraan sebelum ini, bekas Ketua Pegawai Kewangan

**"Peranan Jho Low amatlah ketara sebagai penasihat kepada Najib dan boleh juga dikatakan Jho Low merupakan orang kanan dan dipercayai Najib dalam urusan 1MDB."**

(CFO) 1MDB, Azmi Tahir menyatakan semua arahan yang dikeluarkan oleh Jho Low dianggap mandat daripada Najib.

Tambahnya, peranan Jho Low amatlah ketara sebagai penasihat kepada Najib dan boleh juga dikatakan Jho Low merupakan orang kanan dan dipercayai Najib

dalam urusan 1MDB.

Selain itu, Nur Aida bersetuju dengan cadangan Muhammad Shafee bahawa Jho Low mengawal segala operasi dalam 1MDB dan mencatitkan segalanya dalam syarikat pelaburan strategik negara itu.

**Muhammad Shafee:** Dalam pernyataan saksi, kamu katakan Jho Low yang caturkan. Apa yang dia catur?

**Nur Aida:** Jho Low yang mencatitkan pengoperasian 1MDB.

**Muhammad Shafee:** Jadi saya katakan kamu maksudkan Jho Low yang kawal segalanya.

**Nur Aida:** Betul.

Pada September 2019, bekas pegawai khas Najib, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin ketika memberi keterangan memberitahu, Jho Low dianggap tuan boneka (*puppet master*) kerana dia boleh memanipulasi sesiapa sahaja, tanpa mengira status untuk mendapatkan apa sahaja yang dikehendaknya.

Najib berdepan empat tuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan ber-

jumlah RM2.28 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram melibatkan jumlah sama.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda sehingga lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika didapati bersalah.

Bagi 21 pertuduhan pengubahan wang haram, Najib didakwa melakukan perbuatan itu di antara 22 Mac 2013 dan 30 Ogos 2013.

Kesemua pertuduhan mengikut Seksyen 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta dan penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika disabitkan kesalahan.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung esok.